

Tinjauan: Gaji bulanan median siswazah tahun lalu naik kepada \$3,360

GAJI bulanan median siswazah universiti tahun lalu meningkat kepada \$3,360, naik daripada \$3,300 pada 2015.

Ini menurut dapatan tinjauan pekerjaan siswazah oleh tiga universiti – Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Tinjauan itu melibatkan 10,904 siswazah pada November tahun lalu, iaitu sekitar enam bulan setelah mereka selesai menduduki peperiksaan terakhir.

Tinjauan tersebut juga mendapati kira-kira sembilan daripada 10 siswazah, atau 89.7 peratus, berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah selesai peperiksaan terakhir.

Perangkaan tersebut serupa dengan tahun-tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, sekitar 80.2 peratus siswazah dalam tenaga buruh mendapat pekerjaan tetap dan sepenuh masa – jauh daripada 83.1 peratus pada 2015.

Gaji bulanan kasar purata dalam kala-

ngan siswazah baru yang mempunyai pekerjaan tetap dan sepenuh masa juga meningkat kepada \$3,515 daripada \$3,468 pada 2015.

Siswazah SMU mencatatkan perangkaan terbaik dengan 93.8 peratus daripada mereka berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat peperiksaan terakhir.

Perangkaan itu hampir 90 peratus bagi siswazah NUS dan NTU.

Siswazah SMU juga meraih gaji paling tinggi, dengan gaji bulanan kasar purata \$3,722.

Rakan siswazah mereka daripada NUS pula membawa pulang gaji bulanan kasar purata \$3,541 manakala siswazah NTU meraih gaji bulanan kasar purata \$3,424.

Disebabkan kalendar akademik yang berbeza, Institut Teknologi Singapura (SIT) menjalankan tinjauannya bulan ini manakala Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) menjalankannya pada Mac.